

## POLEMIK ‘ISTERI PEMANGSA, SUAMI MANGSA’: SUATU TINJAUAN AWAL DI MALAYSIA

**Mohd Ab Malek Md Shah<sup>1</sup>, Jeniwaty Mohd Jody<sup>2</sup>,  
Suzzana Othman<sup>3</sup>**

### ABSTRAK

Secara realistiknya, isu penderaan suami (*husband battering*) bukanlah suatu fenomena asing dalam kehidupan masyarakat kita pada hari ini. Saban hari, kadar jumlah yang melibatkan kes-kes seumpama ini tidak boleh lagi dianggap sebagai isu terpencil yang tidak sewajarnya dipandang remeh. Namun demikian, apa yang perlu kita akui, tiada sebarang data lengkap atau kajian yang khusus berhubung isu penderaan atau penganiayaan terhadap suami. Dari kaca mata Islam, penderaan suami seharusnya dianggap ‘dosa’ yang mampu mengganggu-gugat keharmonian dan survival sesebuah institusi kekeluargaan yang boleh mengakibatkan terjadinya *nusyuz* di pihak isteri. Dengan merujuk kepada senario semasa, antara bentuk kerencaman modus operandi penderhaakan terhadap suami (yang adakalanya turut diklasifikasikan sebagai suatu ‘jenayah terancang’ oleh penulis secara peribadi) termasuklah secara fizikal, mental, emosi, seksual mahupun spiritual serta pelbagai jenis kaedah dan metodologi penganiayaan yang adakalanya tidak rasional. Justeru, penulisan ini bertujuan untuk melihat sejauh mana isu penderaan terhadap suami ini dapat dianggap sebagai *nusyuz* menurut syara’. Selain itu, penulis juga turut menyentuh sejauh mana tahap keberkesanan pelaksanaan undang-undang perkahwinan di Malaysia sedia ada; yang rata-ratanya menjurus ke arah ‘pendiskriminasian’ terhadap segala hak dan tanggungjawab pihak suami secara umum.

**Kata kunci :** *penderaan suami, Islam, nusyuz, penderaan, suami*

---

<sup>1</sup> Penulis adalah Pensyarah Kanan, Jabatan Undang-undang, UiTM Cawangan Melaka, Malaysia. E-mel: malek625@melaka.uitm.edu.my

<sup>2</sup> Penulis adalah Pensyarah Kanan, Fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi, UiTM Cawangan Seremban, Malaysia. E-mel: jeniwaty@ns.uitm.edu.my

<sup>3</sup> Penulis adalah Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Bahasa, UiTM Cawangan Melaka, Malaysia. E-mel: suzzana139@melaka.uitm.edu.my

## POLEMIC OF ‘PREDATORY WIFE AND VICTIMISED HUSBAND’: AN EARLY SURVEY IN MALAYSIA

### ABSTRACT

Realistically, the issue of husband battering is not an alien phenomenon in our society today. In fact, the number of cases of such kind is no longer can be considered as an isolated issue that should not be underestimated accordingly. However, it is undoubtedly true that there is no comprehensive data gathered or research conducted specifically on the issue of torture or mistreatment of her husband. In views of Islam, husband battering should be considered as 'sin' that is disruptive to the harmony and survival of the family institution which eventually can cause *nusyuz* of the wife. In relation to the contemporaneous scenario, any kinds of the modus operandi of the rebellion against the husband (which sometimes also can be classified as an 'planned crime' by the author personally), including physical, mental, emotional, sexual or spiritual as well as many other methods of abuse that sometimes irrational. Thus, this paper aims to examine to what extent the issue of abuse against husband can be regarded as *nusyuz* with reference to the Islamic legal principles (*syara'*). In addition, the author also touched on the extent of the effective implementation of the existing laws pertaining to the matrimonial matters in Malaysia; which seem to be inclined towards 'discrimination' against all the rights and responsibilities of the husband in general.

**Keywords :** *husband battering, Islam, nusyuz, abuse, husband*

### PENGENALAN

Secara realistiknya, isu penderaan suami (*husband battering*) bukanlah suatu fenomena asing dalam kehidupan masyarakat kita yang merentasi segenap pelusuk lokal dan global pada hari ini; khususnya di Malaysia. Setiap hari, kadar jumlah yang melibatkan kes-kes seumpama ini tidak boleh lagi dianggap sebagai suatu isu terpencil yang tidak sewajarnya dipandang remeh. Berdasarkan kepada statistik oleh pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM), terdapat sebanyak 293 kes isteri mengasari suami dalam jangka masa 5 tahun iaitu dari tahun 2005 hingga 2010. Namun demikian, apa yang perlu kita akui, tiada sebarang data lengkap atau kajian yang menjurus khusus berhubung isu penderaan atau penganiayaan terhadap suami (*husband battering*).

Dari kaca mata Islam, penderaan suami seharusnya dianggap ‘dosa’ yang mampu mengganggu-gugat keharmonian dan survival sesebuah institusi kekeluargaan yang boleh mengakibatkan terjadinya *nusyuz* di pihak isteri. Hakikatnya, segala bentuk penderaan terhadap suami yang sepertunya merupakan ketua keluarga boleh menyebabkan isteri dianggap sebagai telah melakukan sesuatu yang bertentangan dengan landasan syariat perkahwinan terhadap suaminya.

Dari lanskap perundungan Islam, interpretasi berhubung konsep *nusyuz* amat luas dan komprehensif. Dalam hal ini, *nusyuz* boleh terjadi ke atas kedua-dua belah pasangan suami isteri yang cuai atau gagal dalam melaksanakan tanggungjawab yang telah diamanahkan oleh Allah tanpa sebarang alasan yang boleh dijustifikasi menurut syara’. Secara keseluruhan, kalimah *nusyuz* telah disebut sebanyak 5 kali di dalam Al-Qur'an. Justeru, ini membuktikan bahawa Islam amat memandang serius terhadap kepentingan institusi kekeluargaan yang merupakan nadi atau tunjang dalam melahirkan suasana rumahtangga yang harmonis; selain dapat melahirkan generasi yang berkualiti dengan berlandaskan kepada lunas-lunas syariat Islam yang sebenar.

## **MODUS OPERANDI & FAKTOR PENDERAAAN**

Hakikatnya, dengan merujuk kepada senario semasa, antara bentuk kerencaman modus operandi penderhaakaan terhadap si suami (yang adakalanya turut diklasifikasikan sebagai suatu ‘jenayah terancang’) termasuklah menggunakan senjata tajam dan berbahaya seperti parang dan pisau pemotong daging (Harian Metro, 21 Februari 2013) serta disimbah dengan cecair asid (Utusan Malaysia, 28 Ogos 2012) dengan niat untuk mencederakan secara fizikal, mental, emosi, seksual mahupun spiritual. Suatu laporan akhbar tempatan menyebut bahawa siasatan polis telah dijalankan berhubung kes seorang warga emas terlantar sakit yang didera isteri dan anak lelakinya di Kampung Tanggung Unggar, membawa kepada penemuan mengejutkan apabila dua beranak itu didapati turut merakam perbuatan zalim mereka menggunakan kamera telefon bimbit. Lebih mengejutkan, rakaman video itu memaparkan wanita berkenaan yang berusia 50 tahun memukul suaminya dengan rotan manakala anak lelakinya ‘tumpang sekaki’ mendera bapanya, termasuk menarik alat sulit lelaki berusia 64 tahun itu.

Dalam pada itu, sebuah lagi akhbar turut melaporkan berita tentang isteri yang bertindak kejam dan tidak berperikemanusiaan apabila dipercayai tergamak mengurung, mendera dan menyeksa suaminya yang terlantar sakit sejak lebih setahun lalu. Akhbar itu turut melaporkan perbuatan mengurung suaminya dilakukan isterinya yang berusia dalam lingkungan 40-an bersama seorang anak lelakinya yang berumur 15 tahun.

Selain itu, mangsa bukan sahaja diherdik dan diberi makanan basi dan bersemut, malah menjadi mangsa sepak terajang dan maki hamun. Lebih memeritkan mangsa juga mempunyai kesan lebam di beberapa anggota badan selain kesan dipercayai dijerut dengan wayar di bahagian leher (Utusan Borneo 6 Mei 2012). Lebih malang lagi, ada di kalangan isteri yang sanggup untuk menganiayai suaminya dengan melakukan modus operandi kejam; iaitu dengan mengupah samseng bagi memenuhi kehendak mereka.

Dari sisi yang lain pula, antara faktor penyumbang ke arah penularan gejala yang boleh merencatkan keharmonian mahligai perkahwinan ini antaranya adalah apabila sejarah pengalaman hitam yang pernah dilalui oleh isteri yang telah biasa melihat tragedi ayahnya yang dipukul oleh ibunya sejak kecil lagi. Faktor fizikal dan genetik isterinya yang ‘tegap’, kerap kali bertindak agresif apabila mendepani suaminya; lebih-lebih lagi apabila dihimpit beban kemiskinan yang mendesak. Kedangkalan nilai penghayatan keimanan dalam diri kedua-dua pasangan ini seterusnya membawa kepada kepincangan dalam pembangunan kelestarian roh sebuah rumah tangga yang sakinah. Senada dengan itu, merujuk kepada Prof. Dr. Suradi Salim, pakar psikologi dari Universiti Malaya (UM), berpendapat bahawa isteri turut ter dorong untuk memangsakan suaminya akibat daripada faktor suami yang mengalami masalah lemah syahwat; demi menunaikan tanggungjawab yang sepatutnya. Apa yang memilukan lagi, ada antara isteri yang tidak dapat menerima hakikat akan kelahiran orang baru (adakalanya disalahtafsir sebagai orang ketiga) di tengah-tengah ruang kehidupan mereka lantas mengalami implikasi gangguan mental dan emosi seperti meroyan berpanjangan.

Selain itu, menurut seorang pengamal undang-undang syarie, Mohamad Isa Abd Ralip, berdasarkan kepada pengalaman beliau selama 13 tahun dalam mengendalikan kes-kes syariah, kecurangan di pihak isteri turut berlaku akibat daripada rasa sakit hati yang dipendam terlalu lama atas kesalahan dan mungkin juga kecurangan yang terlebih dahulu dilakukan oleh suami yang menjadi punca utama isteri seperti ini berlaku curang.

## HAK DAN TANGGUNGJAWAB SUAMI ISTERI MENURUT ISLAM

Secara keseluruhan, Islam telah memartabatkan tanggungjawab dan hak isteri sebagai penyejuk di mata dan penawar di hati suami dengan begitu agung sekali; sebaliknya yang telah dinukilkhan oleh baginda Nabi Muhammad s.a.w, mafhumnya:

*"Sesungguhnya syurga itu terletak di bawah telapak kaki suami".*

Di samping itu, Rasulullah turut menukilkan bahawa; sebaliknya yang telah diriwayatkan oleh al-Tibrani yang bermaksud:

*"Hendaklah isteri taat kepada perintah suaminya."*

Adalah menjadi tanggungjawab hakiki bagi seseorang isteri itu untuk memenuhi segala kehendak dan tuntutan suaminya; selagi mana berkiblatkan syariat. Ini termasuklah dalam konteks melayani keperluan batin suaminya; sebaliknya yang telah dinukilkhan secara tuntas oleh Abu Dawud yang menyebut;

*"Apabila seorang suami itu mengajak isterinya ke hamparan rumah; lalu dia enggan, maka suaminya tidur pada malam itu dalam keadaan yang marah kepadanya, maka para malaikat akan mengutuknya sehingga pagi."*

Selain itu, sabda baginda yang telah dirakamkan secara indah oleh Abu Daud dan al-Haki turut menyebut bahawa;

*"Sekiranya aku ini orang yang menyuruh mana-mana orang supaya sujud kepada orang lain tentu sekali aku akan menyuruh isteri sujud kepada suaminya."*

Seterusnya, Islam turut meneladani sabda Rasulullah menerusi;

*"Apabila seorang suami mengajak isterinya ke tempat tidur, tetapi ia enggan melayan ajakan suaminya, maka suami tidur dengan marah pada waktu malam itu, nescaya malaikat mengutuknya sampai waktu subuh".*

Selari dengan hadis di atas, At-Tirmizi turut meriwayatkan betapa sesungguhnya Junjungan Besar Nabi Muhammad pernah mengungkapkan bahawa;

*“Apabila seseorang suami itu memanggil isterinya kerana sesuatu hajat untuk disampaikannya, maka hendaklah si isteri itu segera datang kepadanya sekalipun dia sedang membakar roti”.*

Sejajar dengan itu, Rasulullah turut bersabda;

*“Dunia adalah kenikmatan (perhiasan), dan sebaik-baik kenikmatan dunia adalah wanita yang solehah (Riwayat Sahih Muslim).”*

Selain itu, turut diriwayatkan daripada Baginda iaitu;

*“Sebaik-baik wanita (khairun nisa’) adalah mereka yang menggembirakan kamu apabila kamu melihatnya, dan yang mentaati mu apabila kamu menyuruhnya dan memelihara maruah diri dan hartamu ketika ketiadaanmu.”*

Dari segi konteks yang lain, Rasulullah turut bersabda yang bermaksud:

*“Dunia adalah kenikmatan (perhiasan), dan sebaik –baik kenikmatan dunia ialah wanita yang solehah.”*

Dalam hal ini, Syed Qutb menjelaskan dalam Tafsir Fi Zilalil Qur'an bahawa konsep ketaatan itu adalah kepatuhan yang terzahir daripada rasa kasih sayang; bukannya yang terhasil daripada rasa keterpaksaan, terdesak mahupun didorong oleh motif untuk melepaskan diri daripada sesuatu ancaman atau balasan. Oleh yang demikian, rasa kepatuhan itu adalah terbit daripada dukungan aspek kejiwaan yang sakinhah, mahabbah, rahmah serta limpahan rasa belas terhadap naungan dan perlindungan yang wujud dalam perkongsian kasih antara kedua-dua belah pasangan secara kolektif.

Dari konteks yang serupa, sebagaimana seorang suami itu dituntut supaya bersifat pengasih dan penyayang dalam mendepani segala karenah isterinya, Islam turut menegaskan bahawa setiap wanita yang bergelar isteri hendaklah senantiasa menjaga hati suaminya dengan sepenuh hati tanpa menyakitinya yakni menepati suruhan Rasulullah;

*“Jangan sampai seorang isteri tidur dalam keadaan nyenyak sedangkan suaminya marah terhadapnya”.*

Senada dengan itu, sirah turut merakamkan bahawa Rasulullah pernah bersabda yang bermaksud;

*"Jika aku mampu menyuruh seseorang sujud, akan ku perintahkan isteri supaya sujud kepada suaminya disebabkan besar tanggungjawabnya."*

Selain itu, Sabda Rasulullah bermaksud;

*"Tidak boleh seorang isteri keluar rumah kecuali dengan izin suaminya dan tidak boleh membawa (menbenarkan) orang yang dibenci oleh suaminya masuk ke dalam rumahnya."*

Pada masa yang sama, Rasulullah turut bersabda yang bermaksud;

*"Mana-mana isteri yang mati dan suaminya redha kepadanya, baginya syurga."*

Dalam pada itu, menurut kitab Kifayah Al- Akhyar Juz 29 halaman 48 yang menyatakan secara tuntas bahawa;

*"Apabila seseorang isteri nusyuz, maka gugurlah hak isteri untuk menerima nafkah, pakaian dan giliran."*

## **KONFLIK KERANGKA PERUNDANGAN DI MALAYSIA BERHUBUNG NUSYUZ**

Jika diteliti dari lanskap perundangan kekeluargaan Islam berhubung pengertian nusyuz, Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Selangor) 2003 (Seksyen 60 (2) (a), (b) dan (c) ) mentakrifkan isteri itu dianggap telah bertindak nusyuz (derhaka kepada si suami) apabila isteri meninggalkan rumah tanpa mendapatkan keizinan daripada suaminya terlebih dahulu atau enggan berpindah bersama suami atau berhijrah ke tempat lain tanpa apa-apa sebab yang sah dari segi hukum syara'. Namun demikian, tiada sebarang definisi khusus yang benar – benar bersifat komprehensif lagi menyeluruh berhubung dengan konsep nusyuz sekiranya ditinjau dari kaca mata syara'. Ini kerana, Islam menyatakan bahawa konsep nusyuz yang sebenar adalah bersifat luas dan tidak hanya terbatas sepertimana yang telah digariskan oleh Enakmen tersebut.

Apa yang pasti, terdapat seribu satu halangan yang perlu ditempuhi oleh suami dalam usahanya untuk memohon kepada pihak mahkamah mengisyiharkan isterinya telah melakukan *nusyuz* terhadapnya.

Sejajar dengan itu, Imam Syirazi menegaskan bahawa *nusyuz* itu boleh terjadi dalam pelbagai bentuk dan jenis; termasuklah sekiranya si isteri menderhakai, bersikap angkuh waima ingkar terhadap segala suruhan dan larangan suami selagi mana tidak bercanggah dengan syariat Islam. Ini bermaksud sekiranya isteri bertindak untuk mencederakan ataupun cuba untuk mengancam keselamatan suaminya seperti yang dilaporkan di dada-dada akhbar sejak kebelakangan ini, maka jelaslah kepada kita bahawa segala tindakan atau salah laku isteri sewajarnya dihukum sebagai *nusyuz* menurut Islam kerana menderhakai suami. Oleh yang demikian, penulis berpendapat bahawa peruntukan yang sedia ada menerusi Enakmen yang telah diperundangkan selama ini adalah masih samar-samar lagi dan secara tidak langsung masih belum ampuh untuk menyelesaikan segala kekusutan yang berkaitan dengan krisis rumahtangga di kalangan pasangan Islam di negara kita; seperti singa tidak bergigi (*a lion without teeth*).

Lebih memburukkan lagi keadaan; suami yang menjadi mangsa akibat kekejaman isteri turut berada dalam situasi seperti dianaktirikan oleh peruntukan yang sedia ada apabila tidak mempunyai sebarang kuasa untuk mengambil tindakan terhadap penderhakaan isterinya. Suami hanya sekadar boleh memohon kepada pihak mahkamah untuk menjadikan ia suatu justifikasi bagi menidakkan hak isteri daripada menuntut nafkah. Ini kerana peruntukan yang sedia ada hanya tertumpu kepada kesan yang akan timbul akibat berlakunya *nusyuz* di pihak isteri dan bukannya berfokuskan kepada konsep *nusyuz* itu yang sebenarnya menurut hukum kekeluargaan Islam. Bidang kuasa untuk mendengar kes *nusyuz* bagi kes ini di Mahkamah Syariah Selangor dinyatakan dalam subseksyen 61(3)(b) (i) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 untuk Mahkamah Rendah Syariah.

Pada sisi yang lain pula, pihak yang diberikan kuasa oleh peruntukan yang sedia ada dalam mensabitkan bahawa terdapat *nusyuz* di pihak isteri setelah dipohon adalah di luar bidang kuasa makamah mahupun suami. Ini seterusnya meningkatkan kekeliruan yang masih belum diselesaikan sehingga kini (Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Selangor) 2003, (Seksyen 130) dan seksyen 59(2) Akta Undang-Undang Keluarga Islam Wilayah Persekutuan (Akta 303)).

Selain itu, sekiranya dilihat dari aspek hukuman pula, jumlah yang ditetapkan begitu minimum sekali dan tidak setimpal dengan modus operandi kesalahan yang telah dilakukan oleh isteri. Dalam hal ini, walaupun Islam mengajar bahawa matlamat asal bagi menjatuhkan hukuman adalah bersifat untuk mendidik umatnya agar tidak mengulanginya pada masa hadapan, namun kita tidak boleh menafikan bahawa jumlah kes yang melibatkan isu *nusyuz* yang

berlaku sejaka zaman mutakhir ini adalah berada pada tahap kritikal dan semakin membimbangkan.

Jika ditinjau dari dimensi Akta Keganasan Rumahtangga 1994 (Akta 521), peruntukan ini turut terpakai kepada suami yang menjadi mangsa dalam krisis rumah tangga; dan bukannya hanya menjadi senjata dan perisai bagi pihak isteri semata-mata (Seksyen 2). Namun, kita sering kali terlepas pandang akan penguatkuasaan peruntukan yang sedia ada ini yang sebenarnya turut menyediakan pembelaan dan perlindungan semua pihak; termasuklah suami (Seksyen 4 - Perintah Perlindungan Interim).

## CADANGAN

Menyoroti fenomena yang dianggap sebagai duri dalam daging yang semakin membarah dalam krisis rumah tangga sejak akhir – akhir ini, Fadhlina Siddiq, Naib Presiden Hal Ehwal Wanita (HELWA) Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) mencadangkan agar, selain daripada kursus pra perkahwinan yang wajib dihadiri dan seterusnya diikuti segala modul tersedia dengan jayanya oleh pasangan yang bakal mendirikan mahligai rumah tangga, pasangan suami isteri yang telah berkahwin sewajarnya menghadiri kursus pasca perkahwinan bagi tujuan mengukuhkan institusi kekeluargaan yang telah dibina bersama setelah sekian lama. Dalam komentarnya, turut menyarankan kedua - dua belah pihak agar mereka dapat melaksanakan '*post – mortem*' setiap lima tahun sekali terhadap setiap aspek berkaitan permasalahan rumah tangga merangkumi komunikasi antara pasangan, bagaimana mereka menguruskan dan menjana ekonomi kekeluargaan dan seterusnya tahap persefahaman dan ikatan kasih sayang antara satu sama lain secara holistik sepanjang menongkah gelora bahtera perkahwinan.

Selain itu, JAKIM turut bercadang untuk mewajibkan kepada setiap kakitangan awam yang beragama Islam untuk menjalani kursus pasca perkahwinan mulai tahun 2013 bagi tujuan serampang dua mata iaitu; mengeratkan hubungan dua hala antara kedua – dua pasangan dan seterusnya mengukuhkan institusi rumah tangga demi kepentingan bersama; khususnya bagi menangani gejala penceraian yang semakin merunsingkan.

Selain itu, menurut Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Asyraf Wajdi Dusuki, Modul Pasca Perkahwinan yang telah dilancarkan oleh pihak JAKIM merupakan antara inisiatif terbaik dalam usaha ke arah merealisasikan pelaksanaan Dasar dan Pelan Tindakan Keluarga Sakinah Negara bagi memperkuatkhan institusi kekeluargaan Islam melalui pemantapan kualiti serta integriti setiap individu dalam keluarga. Modul yang pertama kali digubal ini merangkumi empat fasa perkahwinan iaitu Fasa Bulan Madu bagi tempoh perkahwinan satu hingga lima tahun,

Fasa Sehati Sejiwa (enam hingga 10 tahun), Fasa Semarak Kasih (11 hingga 20 tahun) dan Fasa Syurga Cinta (21 tahun ke atas).

## KESIMPULAN

Konklusinya, walaupun pihak berwajib telah berusaha sepenuhnya untuk mempersiapkan setiap bakal pengantin yang akan melangkah ke gerbang perkahwinan dan menempuh hidup berumahtangga menerusi pengisian pelbagai modul yang mencakupi segenap aspek fizikal, mental dan spiritual, namun masih tidak mencukupi roh kefahaman dan penghayatan. Ini menyebabkan keindahan mahligai perkahwinan itu tidak dapat direalisasikan mengikut Islam. Situasi ini juga boleh dikaitkan dengan pelbagai faktor lain seperti dibebani kesempitan hidup yang amat memeritkan, dihantui oleh sejarah silam mahupun aspek ketahanan fizikal dan mental isteri yang belum bersedia untuk memikul beban tanggungjawab sebagai ibu bapa. Secara signifikannya, ingin penulis telusuri betapa indahnya seuntai ungkapan indah hasil nukilan cendekiawan agung Islam, Imam al-Ghazzali; *Accept the little I may give you, my love for you will grow deeper, and raise not your voice in my presence, especially when I am in a moody crisis.* Sekadar renungan, adalah menjadi harapan penulis agar dalam usaha ke arah meleraikan segala kekusutan dan keperitan yang melanda, adalah diharapkan kedua-dua belah pihak senantiasa bermuhasabah dan bertolak-ansur dari setiap aspek; demi kelangsungan ikatan kasih sayang dan kemaslahatan yang berpanjangan.

## **RUJUKAN**

- Al – Qur'anul Karim.
- Malaysia. Akta Undang-Undang Keluarga Islam Wilayah Persekutuan.  
(Akta 303).
- Malaysia. (1994). Akta Keganasan Rumahtangga 1994. (Akta 521).
- Selangor. (2003). Enakmen Undang – undang Keluarga Islam (Selangor) 2003.
- Selangor. (2003). Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003  
untuk Mahkamah Rendah Syariah.
- Mohd Shakir Abdul Hamid. (2002). Hakim Syarie, Mahkamah Syariah Bukit  
Mertajam. Wawancara secara bebas, 11 November. Jam 11.30 tengahari.
- Dr. Saleh Ghani al-Sadlan (1417) al- Nusyuz Riyadh: Dar Balnasiah.
- (10 Mei 2012). Rakaman Penyiksaan. *Harian Metro*.
- (10 Disember 2012). Isteri Didakwa Pukul Suami OKU. *Sinar Harian*.
- (1 Februari 2013). Upah Samseng Pukul Suami. *Harian Metro*.
- (28 Ogos 2012). Peniaga Disimbah Asid Oleh Isteri. *Utusan Malaysia*.
- (5 Julai 2012).Wajib Kursus Pasca Perkahwinan. *Berita Harian*.
- (6 Mei 2012). Tergamak kurung, siksa suami. *Utusan Borneo*.

*Jurnal Ilmi*

*Journal of Ilmi*

*Jilid 7, 2017 : 63 – 74*